



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

HARI MALAYSIA LAMBANG ASAS KELUARGA MALAYSIA

Putrajaya, 15 September 2021 - Selamat Menyambut Hari Malaysia! Hari Malaysia adalah merupakan antara hari paling bersejarah bagi kita semua rakyat Malaysia, disambut bagi memperingati penyatuan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, yang seterusnya membentuk tanah air yang kita cintai hari ini.

2. Kekayaan negara kita hadir dari kepelbagaian antara kita dan dengan berpegang kukuh kepada nilai-nilai murni yang dikongsi bersama, ia membentuk sebuah asas Keluarga Malaysia yang merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum.

3. Hari Malaysia kali ini disambut secara bersederhana berikutan pandemik COVID-19 yang masih lagi menular. Namun begitu, semangat rakyat Malaysia dalam membuktikan komitmen, kesetiaan serta kesepakatan terus berkobar dan membara, terutamanya dalam usaha memutuskan rantai virus yang berbahaya ini.

4. Perjuangan untuk mengakhiri cabaran pandemik ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama daripada semua lapisan masyarakat. Ibarat peribahasa ‘seikat bak sirih, serumpun bak serai’, marilah kita sehati sejiwa melakukan yang terbaik demi keluarga masing-masing dan seterusnya negara, dalam kita mengorak langkah ke arah memulihkan nusa tercinta bersama-sama.

5. Pandemik ini ternyata membawa cabaran tersendiri buat pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan perbezaan. Sebagai sebuah Keluarga Malaysia, inilah waktunya untuk kita semua bermuafakat dan berganding bahu bagi mengakhiri pandemik ini.

6. Saya mendoakan agar Malaysia negara tercinta kita terus maju jaya dan kekal seiringan sebagai sebuah Keluarga Malaysia yang harmoni.

Sekali lagi, Selamat Hari Malaysia buat seluruh Keluarga Malaysia.

#StaySafeStayUnited

#KitaBersama

#KeluargaMalaysia

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique

Menteri Perpaduan Negara

15 September 2021

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN. UKK. 1009/1/8 (86)